

# Soalan Lazim (FAQs) PROGRAM myGIG Servis

## 1. Apa itu Program myGIG Servis?

*Program myGIG Servis adalah merupakan salah satu program baharu yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia & Sukan (KBS) bersama Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dengan sokongan rakan strategik iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Majlis Belia Malaysia (MBM).*

*Program ini bertujuan menyediakan sokongan kepada golongan belia khususnya belia yang terjejas pendapatannya akibat wabak COVID-19 dengan membuka peluang pendapatan secara digital melalui Ekonomi Gig atau Ekonomi Perkongsian menerusi platform eRezeki yang dikendalikan oleh pihak MDEC.*

*Pelaksanaan program ini merupakan projek rintis selaras dengan Pelan Strategik 2020 Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang akan memberi penekanan terhadap mendaya upaya ekonomi belia dibawah Teras 3: Peluang Pekerjaan.*

## 2. Bagaimana Program myGIG Servis boleh membantu belia menjana pendapatan tambahan?

*Program myGIG Servis akan menyalurkan belia yang berminat untuk menjana pendapatan tambahan ke platform eRezeki di mana belia akan mendaftar di pautan berikut (<https://erezeki.my/register/refer=kbs>).*

*Sebelum peserta boleh memohon tugas / kerja yang tersedia di atas platform eRezeki, para peserta yang telah mendaftar perlu menjalani latihan secara dalam talian (online) menerusi beberapa video ringkas yang akan ditayangkan di dalam sistem eRezeki.*

*Setelah peserta selesai menjalani latihan tersebut, peserta akan diminta untuk melengkapkan profil dengan mengisi semua maklumat yang diperlukan. Peserta akan dipadankan dengan tugas yang sesuai berdasarkan profil masing-masing dan boleh mula mencari peluang pekerjaan / tugas yang sesuai.*

## 3. Bagaimana saya mengambil bahagian dalam program myGIG Servis?

*Anda tidak memerlukan kelayakan akademik tertentu. Belia yang berminat boleh mendaftar di portal eBelia (<https://ebelia.iyres.gov.my>).*

*Setelah itu, belia boleh klik pada butang Info > Peluang Pekerjaan dan dapatkan maklumat lanjut berkaitan program myGIG Servis termasuk pautan khusus ke pendaftaran di platform eRezeki.*

## 4. Berapa bayaran untuk menyertai program myGIG Servis?

*la adalah percuma untuk menyertai program ini dan tidak dikenakan apa-apa yuran.*

**5. Saya seorang OKU, adakah saya layak menyertai program myGIG Servis?**

*Ya, anda layak namun tertakluk kepada syarikat / platform yang dimohon untuk bekerja.*

**6. Saya diistiharkan muflis dan kehilangan pekerjaan, adakah saya layak menyertai program myGIG Servis? Dan bagaimana pembayaran gaji kerana saya tiada akaun bank ?**

*Ya, anda layak untuk menyertai program ini. Walaubagaimanapun, oleh kerana pembayaran gaji akan dibuat oleh platform melalui akaun bank, maka anda dinasihatkan untuk membuka / mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) akaun bank yang aktif bagi memudahkan pembayaran gaji dilaksanakan.*

**7. Saya sudah bekerja tetapi bolehkah saya menyertai program myGIG Servis untuk menambah pendapatan saya?**

*Boleh. Tiada masalah.*

**8. Saya tidak mempunyai lesen memandu dan tiada kenderaan tetapi berminat dengan program ini. Bolehkah saya memohon?**

*Boleh. Tiada masalah. Program myGIG Servis ini menawarkan pelbagai jenis pekerjaan daripada platform-platform Ekonomi Gig di bawah Program eRezeki yang telah ditentukan oleh pihak MDEC seperti :*

- *Perkhidmatan penghantaran*
- *Perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan (baikpulih / servis)*
- *Menjalankan tinjauan dalam talian*
- *dan lain-lain.*

**9. Berapa lama tempoh program myGIG Servis?**

*Tempoh program ini adalah sehingga Disember 2020.*

**10. Saya telah melengkapkan profil saya di eRezeki dan telah memilih untuk bekerja di atas salah satu platform. Apa yang perlu saya lakukan seterusnya?**

*Setelah memilih untuk bekerja di atas salah satu platform eRezeki, anda akan dibawa ke halaman pendaftaran syarikat / platform tersebut. Di halaman tersebut, anda perlu melengkapkan pendaftaran sebagai pekerja di platform tersebut termasuk memuatnaik dokumen tertentu (sekiranya ada) sebagai pengesahan. Selepas itu, anda akan dihubungi oleh syarikat / platform tersebut untuk menghadiri latihan khusus bagi membolehkan anda mula bekerja.*

*Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa platform yang menyediakan tugas-tugas mudah (microtask) yang tidak memerlukan anda menghadiri sebarang latihan lanjut dan anda boleh terus mula melakukan tugas selepas pendaftaran.*

**11. Bolehkah saya bercuti?**

Bergantung kepada syarikat / platform yang anda pilih dan jenis tugas yang dilakukan. Terdapat tugas yang tidak memerlukan anda hadir secara fizikal bagi melengkapkan tugas tersebut dan boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian masa anda.

**12. Pada tahun 2020 saya berumur 17 tahun 4 bulan adakah saya boleh di pertimbangkan untuk menyertai program myGIG Servis?**

*Pautan pendaftaran adalah secara automatik untuk mengenalpasti umur adalah mencukupi iaitu 18-40 tahun.*

**13. Bolehkah saya memilih lebih dari satu majikan yang di tawarkan?**

*Boleh. Namun, jika anda memilih untuk bekerja di beberapa buah platform di KBS hanya akan menanggung kos tertentu bagi satu pilihan majikan sahaja. Sebagai contoh : Anda bekerja dibawah Foodpanda dan Bungkusit. KBS hanya akan menanggung kos essential kits seperti pakej insurans dan Rider Starter Kits bagi salah satu syarikat sahaja. Selain itu, kos adalah dibawah tanggungan anda sendiri.*

**14. Di manakah lokasi kerja untuk program myGIG Servis?**

*lanya bergantung kepada syarikat / platform atau pekerjaan yang anda pilih.*

**15. Saya dari Sabah, adakah saya layak memohon program myGIG Servis?**

*Layak. Penyertaan dibuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur diantara 18-40 tahun.*